

## **Risiko Pertumbuhan Ekonomi Malaysia**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

MIER mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini dari segi keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar pada kadar 4.2 peratus setahun. Pada tahun hadapan, pertumbuhan KDNK dijangka lebih baik pada kadar di antara 4.5 – 5.5 peratus. Pertumbuhan ekonomi akan terus dipacu oleh permintaan domestik berlatarbelakangkan permintaan global yang lemah. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi dunia akan tumbuh pada kadar 3.1 peratus pada tahun ini dan 3.4 peratus pada tahun hadapan.

Permintaan domestik dijangka akan digerakkan oleh perbelanjaan dan pelaburan swasta. Dasar fiskal berkembang yang diumumkan di dalam Bajet 2017 dijangka memberi impak positif meningkatkan permintaan. Pelbagai jenis bayaran pindahan seperti bantuan rakyat satu Malaysia (BR1M) akan meningkatkan pendapatan boleh guna terutama untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Golongan ini mempunyai keanjalan permintaan yang tinggi terhadap perubahan pendapatan boleh guna. Peningkatan pendapatan mereka melalui bayaran pindahan akan di belanjakan terutama untuk barangan makanan.

Peningkatan permintaan terhadap barangan makanan pula akan menggalakkan pengeluaran. Oleh itu, pengeluaran domestik dijangka meningkat terutama yang melibatkan perindustrian kecil dan sederhana (PKS). Sehubungan dengan ini, pelbagai dasar fiskal dan kewangan juga dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan PKS untuk menyokong pertumbuhan permintaan domestik. Di samping itu, usaha untuk menggalakkan PKS menembusi pasaran global juga diteruskan.

Dasar fiskal berkembang yang dilaksanakan oleh kerajaan disokong oleh paras kenaikan harga yang rendah di dalam ekonomi. Kadar inflasi yang diukur oleh indeks

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

harga pengguna merekodkan peningkatan harga yang rendah untuk tahun ini. Bulan Oktober merekodkan kadar inflasi 1.4 peratus. Untuk sepanjang tahun 2016, MIER mengunjurkan kadar purata inflasi 2.2 peratus. Namun demikian, dasar pengembangan permintaan domestik dijangka akan memberi tekanan terhadap kenaikan kadar inflasi, terutama untuk barangan makanan.

Dalam pada itu keadaan ekonomi global terus memberi penekanan ke arah risiko menurun terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dengan kata lain, tanpa kehadiran risiko-risiko tersebut pertumbuhan ekonomi Malaysia akan bertambah rancak dibantu oleh pertumbuhan permintaan global. Antara beberapa risiko utama dibincangkan di bawah.

Beberapa kejadian penting dunia telah mengembalikan sentimen perlindungan dari sudut perdagangan antarabangsa di kalangan ekonomi-ekonomi utama dunia. Ini bermakna, ekonomi-ekonomi tersebut mempunyai kecenderungan untuk mengenakan sekatan import sama ada melalui tarif atau lain-lain sekatan bukan tarif. Dasar ini adalah bertentangan dengan perkembangan semasa yang lebih mempromosikan dasar liberalisasi perdagangan antarabangsa.

Terdapat dua perkembangan penting yang menaikkan sentimen dasar perlindungan di kalangan beberapa ekonomi utama dunia. Pertama, peristiwa Britain keluar dari pakatan Kesatuan Eropah (EU), yang lebih dikenali umum sebagai BREXIT. Kedua, kemenangan Donald Trump di dalam pilihan raya presiden Amerika Syarikat (AS).

BREXIT telah mula memperlihatkan kesannya di kalangan negara-negara ahli EU yang lain, terutama di kalangan ekonomi yang lebih maju seperti Itali dan Perancis. Kegagalan EU bukan sahaja memberi implikasi terhadap arah aliran perdagangan dunia, malah yang lebih penting terhadap kegagalan konsep kesatuan ekonomi itu sendiri. EU merupakan satu-satunya kesatuan ekonomi yang berjaya di dunia kini. Kegagalan EU akan memberi kesan terhadap konsep kerjasama ekonomi wilayah, termasuk inisiatif Komuniti Ekonomi ASEAN.

Trump mengetengahkan dasar perlindungan untuk melindungi perusahaan dan pekerjaan AS di dalam kempen pilihan rayanya. Perlaksanaan dasar ini akan memberi

implikasi secara langsung melalui perdagangan dua hala antara Malaysia dan AS dan secara tidak langsung melalui penjejasan perdagangan antara AS dan rakan dagang utama Malaysia seperti China.

Pemulihan yang perlahan dari jangkakan ekonomi utama dunia yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembap, terutama di kalangan ekonomi zon euro dan Jepun, turut memberi risiko kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Jepun telah mempromosikan dasar fiskal dan kewangan berkembang untuk menggalakkan perbelanjaan domestik. Kejayaan dasar ini memberi kesan secara langsung terhadap import dari Malaysia kerana Jepun merupakan salah satu rakan dagang kelima terpenting negara. Untuk sembilan bulan pertama 2016, lima rakan dagang utama Malaysia berdasarkan jumlah dagangan adalah China (15.8%), Singapura (12.7%), EU (10.1%), AS (9.3%) dan Jepun (8.2%). Begitu juga kelembapan pertumbuhan EU turut menjejaskan eksport Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan dari jangkakan juga dijangka memberi impak yang besar terhadap permintaan luar Malaysia. Secara langsung eksport Malaysia ke China akan terjejas. Di samping itu kesan tidak langsung juga akan dirasai melalui hubungan rakan dagang bersama yang lain, terutama di kalangan ekonomi utama dunia. Perlu diingat, negara China merupakan rakan dagang dengan kebanyakan negara di dunia. Jadi kelembapan ekonominya akan mempengaruhi kebanyakan negara-negara lain, yang seterusnya juga akan mempengaruhi ekonomi negara.

Faktor kejatuhan harga minyak masih membelenggu pertumbuhan ekonomi dunia. Untuk Malaysia, kesannya secara langsung adalah melalui kejatuhan nilai eksport minyak dan gas itu sendiri. Keadaan ini akan memberi kesan kepada hasil kerajaan, yang seterusnya mungkin menjejaskan perbelanjaan fiskal. Di samping itu kesan tidak langsung kejatuhan harga minyak melalui kelembapan arah aliran dagangan dunia adalah lebih meluas. Eksport Malaysia akan terjejas secara keseluruhannya. Perkembangan terkini di mana Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) telah bersetuju untuk memotong pengeluaran sebanyak 1.2 juta tong sehari mulai Januari tahun hadapan. Namun demikian, kejayaan perlaksanaan keputusan

OPEC ini masih tidak menentu. Ianya bergantung kepada kepatuhan negara-negara OPEC terhadap kuota yang diberi dan pengeluaran negara bukan OPEC, terutama Rusia dan AS. AS dijangka akan meningkatkan pengeluaran kerana pengeluaran minyak syal menjadi lebih ekonomikal dengan kenaikan harga minyak mentah. Di samping itu dasar Trump juga dijangka lebih menyokong pertumbuhan pengeluaran minyak AS.

Rata-rata risiko pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah dipengaruhi oleh keadaan ekonomi global. Maka, langkah yang bijak untuk jangka panjang adalah melalui pengukuhan ekonomi melalui peningkatan produktiviti. Reformasi yang bersesuaian perlu diberi keutamaan supaya negara tidak mudah terdedah kepada kejutan luaran di masa hadapan.